



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **25 Nov2021 (Thursday)**

#### **Berita Harian**

Zakat Selangor peduli santuni asnaf, institusi	1
JPS tak tolak kemungkinan projek lebuhraya jadi punca	2
'Terpaksa tidur dalam kereta'	3

#### **Harian Metro**

Bantu usahawan Bumiputera	4
Terima 117 laporan rumah terjejas bah	5
Terpaksa tidur dalam kereta	6
Berjaya peroleh RM1.1b	7

#### **Sinar Harian**

Sultan Kedah pengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-257	8
EKVE nafi projek bina lebuhraya punca banjir	9
LZS seru elak bayar zakat saat akhir	10

#### **RTM1**

Pelan Bangunan Pusat Tahfiz Perlu Dinilai Ciri Bangunan Perlu Ikut Spesifikasi Ditetapkan	11
---	----

#### **TV3**

RM1.75 Bilion Peruntukan Selangor, Tahun Depan	12
--	----

#### **The Star**

Integrated trade events platform in the making	13
COUNCIL MATTERS	14

#### **China Press**

Jenjarom 14th alley ditch garbage blockage; Mosquito breed, pollution environment.	15
Taman Lembah Mewah residential area; City council allocate to rebuild ditch.	16

#### **Sin Chew Daily**

Siva Kumar donates face masks to 3 schools	17
--	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 November 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Zakat Selangor peduli santuni asnaf, institusi
Muka Surat	:	16

## Zakat Selangor peduli santuni asnaf, institusi

**Shah Alam:** Pelaksanaan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan pandemik COVID-19 ternyata memberi kesan terhadap pelbagai peringkat masyarakat serta organisasi.

Menyadari situasi bahawa bukan individu sahaja yang perlu dibantu, Lembaga Zakat Selangor (LZS) prihatin membantu organisasi atau institusi yang terjejas antaranya Maahad Tahfiz, masjid, hospital dan lain-lain.

Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf, Mohd Sabirin Mohd Sarbini, berkata bermula Julai hingga Oktober lalu, seramai 343 guru Maahad Tahfiz di negeri ini yang kehilangan mata pencarian berikutan institusi berkenaan tidak dapat beroperasi telah dibantu.

Katanya, bantuan itu membolehkan peruntukan berjumlah RM214,000.

"Dalam pada itu, LZS turut membantu menyelesaikan sewa bulanan rumah kedai atau tapak maahad yang mana sehingga Oktober, 45 pusat sudah menerima bantuan manakala 85 pusat menerima bantuan untuk utiliti se-

perti bil elektrik serta air.

"Selain dari pusat tahfiz, LZS juga dalam pelaksanaan bagi membantu institusi masjid yang mengalami kerosakan sepanjang penutupan yang mana kita menasarkannya 50 masjid dibantu dengan jumlah peruntukan berjumlah RM1 juta.

"Sebelum ini, LZS ada menyediakan bantuan kewangan kepada Ahli Jawatan Kuasa (AJK) masjid dengan 5,000 individu dibantu," katanya ketika ditemubual secara atas talian baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd Sabirin berkata, sebagai penghargaan kepada syarikat yang setia menyantuni asnaf bersama agensi itu sebelum ini, LZS turut menghulurkan bantuan kepada syarikat yang mengalami masalah operasi susulan pandemik COVID-19.

"Kami ada pergi ke syarikat itu yang mana sebelum ini mereka ada pengeluar zakat yang dika-takan komited dan setia bukan sahaja zakat perniagaan tetapi juga zakat pendapatan melalui potongan gaji kakitangan.

"Apabila berlaku pandemik, mereka terpaksa mengurangkan



Lembaga Zakat Selangor menyampaikan sumbangan bekalan makanan kepada penerima yang layak.

pekerja jadi kami kembali kepada syarikat berkenaan dan buat bantuan, yang mana layak kami bagi bantuan kecemasan serta masukkan ke dalam golongan asnaf (jika layak)," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Sabirin memaklumkan inisiatif Zakat Selangor Peduli yang dilancarkan pada Julai lalu akan menasarkannya bantuan kepada 59,322 penerima serta 431 institusi.

Katanya, sehingga Oktober, sejumlah RM52 juta daripada ke-



Mohd Sabirin Mohd Sarbini

seluruhan RM69.3 juta peruntukan sudah diagihkan kepada individu serta institusi yang layak manakala bakinya akan diagihkan sehingga akhir tahun ini.

Beliau berkata, LZS akan terus menyantuni asnaf serta mana-mana pihak yang memerlukan yang memabatkan 186 jenis bantuan disediakan agensi itu.

"LZS juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengeluar zakat yang setia bersama

kami menyantuni asnaf di Selangor. Pada tahun lalu, kami jangkakan kutipan akan menurun berikutan pandemik COVID-19 bagaimanapun, kutipan yang diperolehi melebihi kutipan pada tahun sebelumnya (2019).

"Alhamdulillah, mereka yang masih mampu mungkin membayar lebih berikutan menyedari ramai yang perlu dibantu LZS dalam tempoh ini.

"Kami juga menyeru kepada yang belum membayar agar melakukannya dalam kadar segera dan jika ada sebarang kemusykilan, boleh berhubung dengan kami," katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 November 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JPS tak tolak kemungkinan projek lebuh raya jadi punca
Muka Surat	:	20

## JPS tak tolak kemungkinan projek lebuh raya jadi punca

**Kuala Lumpur:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak menolakan kemungkinan projek pembinaan lebuh raya antara punca banjir kilat di Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang, Isnin lalu.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Nor Hisham Mohd Ghazali, berkata siasatan kejadian dilakukan meliputi pelbagai aspek, termasuk faktor bukan cuaca yang mempengaruhi kesan banjir di kawasan berkenaan.

"Hujan lebat berterusan dengan bacaan hujan tinggi direkodkan di Stesen Puncak Atheneum, Gombak dengan bacaan 100.5 milimeter (mm) dan Stesen Bukit Antarabangsa, Gombak dengan bacaan 101.5 mm dalam tempoh satu jam.

"Banjir berpunca daripada hujan lebat luar biasa dalam tempoh singkat menyebabkan Sungai Ampang dan sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung kapasiti aliran air yang tinggi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, aras Sungai Ampang



*Keadaan Sungai Ampang selepas kejadian banjir lumpur.*

melempi paras bahaya dengan bacaan 63.8 meter, menyebabkan banjir sedalam 0.8 meter di kawasan Kampung Lembah Jaya Utara membabitkan 103 rumah.

"JPS mendapati kerja pembinaan sebuah lebuh raya berkemungkinan mempengaruhi impak banjir kepada penduduk

Kampung Lembah Jaya Utara.

"JPS akan memastikan dan mengawal selia segala kawalan kebenaran pembangunan dan pembangunan yang diluluskan secara lebih ketat, agar semua pihak mematuhi syarat pembangunan yang ditetapkan," katanya.

Sementara itu, pemegang kon-

sesi Lebuh Raya Lembah Klang Timur (EKVE), EKVE Sdn Bhd menafikan banjir kilat yang berlaku di Kampung Lembah Jaya Utara, berpunca daripada projek raya terbabit.

EKVE dalam kenyataan, semalam memaklumkan banjir kilat yang berlaku berpunca daripada hujan yang terlalu lebat sehingga menyebabkan aras air Sungai Ampang naik mendadak dan melimpah ke kawasan rendah.

"Bacaan meteorologi di Bukit Antarabangsa dan Puncak Atheneum, masing-masing menunjukkan kadar ketumpatan hujan 144 milimeter (mm) dan 138 mm yang dikategorikan sebagai sangat lebat, berlarutan selama lebih kurang tiga jam di sekitar Ampang.

"Ini menyebabkan aras air di Sungai Ampang khususnya, naik mendadak dan melebihi paras bahaya seperti direkodkan di laman sesawang Info Banjir JPS pada jam 7:30 petang, 22 November 2021," katanya.

Menurut kenyataan itu, situasi berkenaan menyebabkan banyak kawasan rendah termasuk jalan raya utama dinaiki air dan berlakunya banjir kilat di sekitar Ampang dan Hulu Langat.

"Perkara ini turut dijangka akan berlaku akibat musim Monsun Timur Laut seperti kenyataan dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Bencana, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 17 November lalu.

"Bagaimanapun, EKVE sudah mengambil langkah memberi bantuan segera kepada mangsa banjir di kawasan terbabit dengan turut menjalankan kerja pembersihan dan lain-lain mengikut keperluan," katanya.

Menurut kenyataan itu, kontraktor sentiasa memastikan pelaksanaan sistem kawalan hakisan kelodak di tapak diselenggara dan ditambah baik dari semasa ke semasa seperti mematuhan syarat penilaian impak alam sekitar (EIA) yang diluluskan.





**KERATAN AKHBAR**  
**25 November 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Terpaksa tidur dalam kereta'
Muka Surat	:	20

# 'Terpaksa tidur dalam kereta'

Penduduk dakwa banjir lumpur kali kedua paling besar melanda Kampung Lembah Jaya Utara

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
 bhnews@bh.com.my

**Ampang:** "Malam tadi (kelmarin) saya dan isteri terpaksa tidur di dalam kereta kerana rumah kami yang dilanda banjir lumpur masih belum selesai dicuci," kata Hassan Mohd Sharif, 56, penduduk Kampung Lembah Jaya Utara, di sini.

Hassan berkata, dia hanya siap membuang lumpur di ruang tamu sementara empat bilik tidur dan dapur masih belum dicuci.

Katanya, boleh dikatakan semua barang di dalam rumah ini rosak, termasuk barang elektrik yang ditenggelami air.

"Air naik ke dalam rumah saya sedalam paras dada. Ini kali kedua banjir besar seperti ini melanda kampung ini. Kali pertama dahulu berlaku 2007.

"Saya menetap di kampung ini sejak kecil lagi. Sepanjang itu empat kali kampung ini dilanda banjir, namun banjir besar seperti ini hanya berlaku dua kali," katanya di sini semalam.

Seorang lagi mangsa banjir, Izzati Zaaid, 36, berkata, ketika kejadian dia dan suami berada di rumah bersama anak sebelum air naik mendadak.

"Pada mulanya hujan sudah ber-



Keadaan sekitar kawasan Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang selepas dilanda banjir lumpur.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

henti dan saya sangka tidak akan berlaku banjir. Tidak lama kemudian, tiba-tiba air naik sehingga tidak sempat menyelamatkan barang di dalam rumah.

"Kami sempat menyelamatkan nenek saya yang tinggal bersendirian di rumah berasingan, tidak jauh dari rumah kami," katanya.

Izzati berkata, beliau sekeluarga tinggal sehelai sepinggang kerana semua barang rosak.

Sementara itu, Ketua Bahagian Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Norhayati Ahmad, berkata seramai 100 anggota dari MPAJ, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya membantu membersihkan lumpur di kampung terbabit.

"Sebanyak 15 keluarga daripada 127 rumah dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Pinggiran 3, Lembah Jaya, Dewan MPAJ Lem-



Hassan membersihkan barangan rumahnya yang diselaputi lumpur.

(Foto Muhaamad Hafis Nawawi/BH)

bah Jaya dan Dewan MPAJ Kampung Ampang Indah," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, polis menerima 117 laporan daripada orang ramai yang terjejas selepas kediaman mereka dilanda banjir kilat.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak, berkata pi-

haknya juga mendirikan balai bergerak di dalam pusat pemindahan sementara (PPS) bagi memudahkan mangsa membuat laporan polis.

"Sepanjang kejadian banjir tiada kemalangan jiwa berlaku. Setakat ini, anggaran kerosakan masih belum diterima," katanya dalam kenyataan, semalam.





**KERATAN AKHBAR**  
**25 November 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bantu usahawan Bumiputera
Muka Surat	:	21

# Bantu usahawan Bumiputera

*Perniagaan tempatan yang layak, berpotensi dibantu sejajar aspirasi Keluarga Malaysia*

Oleh Suraya Roslan  
 suraya@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Pemilikan premis perniagaan membabitkan golongan Bumiputera di pusat beli-belah terkemuka dan berprestij di lokasi tumpuan pelancongan masih lagi rendah disebabkan kadar sewa yang terlampau tinggi.

Selain itu, persaingan jenama tempatan untuk menarik perhatian pelancong asing juga antara faktor utama kurangnya peniaga Bumiputera di pusat beli-belah terkemuka.

Presiden Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesyen Malaysia (Peniagawati), Datuk Azlin Ahmad Shaharbi berkata, kadar sewa yang terlalu tinggi antara penyebab ramai usahawan Bumiputera tiada dalam pasaran pusat beli-belah negara.

"Disebabkan itu kita akan tengok ramai usahawan kita akan pergi ke pusat beli-belah Bumiputera lain di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Majlis Amanah Rakyat (Mara) atau Uda Holding Berhad (Uda).

"Ini kerana pusat beli-belah ini membantu usahawan Bumiputera dan menetapkan kadar sewa yang jauh lebih rendah, disebabkan itu kita boleh lihat ramai peniaga Bumiputera berkumpul di sana," katanya.

Menurutnya, selain itu, sesetengah pemilik pusat beli-belah juga mungkin mempunyai perancangan tersendiri untuk menarik orang ramai ke premis mereka.

"Setiap pusat beli-belah ini ada polisi mereka dengan meletakkan jenama besar untuk menarik perhatian orang ramai ke premis mereka," katanya.

Ditanya apakah usaha kerajaan untuk membantu ramai Bumiputera menembusi pasaran pusat beli-belah itu, Azlin berkata, selain suntikan dana dan kadar sewa rendah, faktor Bumiputera untuk bersaing dan komitmen dalam berniaga juga penting.

"Pertolongan daripada segi sewa tidak mencukupi, ada pelbagai lagi yang perlu dibayar setiap bulan.

"Selain itu, perniagaan mereka kena mantap, pro-



KERAJAAN berhasrat menyemak semula pengurusan pusat beli-belah yang dimiliki GLC supaya dituruskannya Bumiputera dapat menjalankan perniagaan mereka.

duk yang cantik, jika permintaan tinggi supply juga kena baik dan mampu bersaing dengan orang lain, ini semua antara faktor yang perlu diambil kira untuk menempatkan diri mereka dalam pusat beli-belah terkemuka," katanya.

Selain itu, mengulas mengenai cadangan mewujudkan kuota jumlah premis perniagaan milik Bumiputera di lokasi strategik diwujudkan, Azlin bersetuju dengan pelaksanaan itu kerana tidak ramai usahawan Bumiputera diberi peluang berada dalam pusat beli-belah.

"Tetapi bagi saya, tanpa bantuan kerajaan iaitu suntikan dana adalah sangat sukar untuk peniaga Bumiputera berada di situ.

"Kalau ada kuota pun, tetapi kadar sewa yang mahal, tetapi tidak mampu untuk mengisi jumlah itu melainkan dengan bantuan kerajaan," katanya.

Pendapat sama turut diutarakan Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosioekonomi Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM) Mohd Afiq Salim

berkata, walaupun ada antara pusat beli-belah dimiliki syarikat kerajaan negeri (GLC) namun peniaga Bumiputera dilihat masih ku-



MOHD Afiq



ABD Rahman

rang berkemampuan mendapatkan ruang perniagaan di premis berkenaan kerana kadar sewa yang dikenakan terlalu tinggi selain faktor persaingan.

"Contohnya di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), penetapan standard yang tinggi untuk menjadi sebahagian daripada peniaga di pusat beli-belah eksklusif adalah salah satu faktor, peniaga Bumiputera biasanya berada di peringkat kedua selepas jenama besar lain.

"Contohnya di Johor Premium Outlet di Senai, Johor, kerajaan perlu mewujudkan pusat premium outlet khusus untuk jenama tempatan yang berkualiti tinggi sebagai hub untuk jenama kita dikenali ramai," katanya.

ti dan lokasi tumpuan pelancongan.

"Bagi menangani isu ini, kerajaan berhasrat menyemak semula pengurusan pusat beli-belah yang dimiliki GLC supaya dituruskannya Bumiputera dapat menjalankan perniagaan mereka di situ.

"Mesyuarat turut mencadangkan supaya kuota jumlah premis perniagaan milik Bumiputera di lokasi strategik diwujudkan selaras dengan usaha meningkatkan daya saing dan mengukuhkan ekonomi Bumiputera," katanya.

Katanya, bagaimanapun, kuota itu akan diuruskan dengan cara telus dan adil supaya matlamat utama untuk membantu perniagaan Bumiputera yang layak dan berpotensi tercapai, tanpa disalah guna sehingga tersasar daripada objektif sebenar, sejajar dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

Bagi peniaga Bumiputera, Abd Rahman Sulaiman, 58, yang berniaga kasut di Kompleks Emart, Jalan Pasar Pudu sejak 10 tahun lalu mengesahkan kadar sewaan yang terlampau tinggi mencecah puluhan ribu sebulan antara faktor utama ku-

rangnya peniaga Bumiputera di lokasi tumpuan pelancong.

"Saya antara satu-satunya peniaga Bumiputera yang masih bertahan di Kompleks Emart ini, yang lain semua sudah tidak beroperasi atas pelbagai faktor.

"Jika tanya pendapat saya kenapa kami tidak dapat menembusi pusat beli-belah terkemuka adalah disebabkan kadar sewa terlampau tinggi yang mencecah puluhan ribu," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, selain itu persaingan dengan jenama terkenal dan juga peniaga warga asing juga menyebabkan peniaga Bumiputera perlu mengangkat 'bendera putih' lebih awal untuk bertahan.

"Kadar sewa yang mahal termasuk modal perniagaan yang terlampau besar menyebabkan kami tidak dapat menembusi pusat beli-belah, bayangkan kalau nak buat pengubahsuaian kedai memerlukan modal RM100,000 termasuk wang deposit tiga bulan.

Menurutnya, cadangan jika kerajaan ingin membantu peniaga Bumiputera perlu suntikan dana atau meletakkan kadar sewa khas untuk Bumiputera.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Terima 117 laporan rumah terjejas bah
Muka Surat	:	24

# Terima 117 laporan rumah terjejas bah

**Ampang Jaya:** Polis menerima 117 laporan daripada penduduk di sini yang rumah mereka terjejas dengan banjir kilat sejak Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, pihaknya juga mendirikan Balai Polis Bergerak di dalam kawasan

Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi memudahkan mangsa membuat laporan.

"Sepanjang kejadian banjir tiada kemalangan jiwa berlaku dan setakat ini anggaran kerosakan masih belum diterima," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam kejadian itu, polis

menerima maklumat awal mengenai banjir di Kampung Pinggiran dan Lembah Jaya Utara pada jam 8.23 malam.

Mohamad Farouk berkata, sejurus maklumat berkenaan, lima pegawai dan 40 anggota dikerah membantu mangsa dan mengawal keselamatan serta lalu lintas di kawasan yang ter-

jejas.

"Kawasan yang dikenal pasti adalah Kampung Pinggiran 3, Kampung Lembah Jaya Utara membabitkan 206 unit rumah dan 1,019 mangsa.

"Mangsa banjir ditempatkan di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Lembah Jaya Utara," katanya.





**KERATAN AKHBAR**  
**25 November 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Terpaksa tidur dalam kereta
Muka Surat	:	24



KEADAAN Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang selepas kejadian banjir lumpur, kelmarin.

**AMPANG DILANDA BANJIR LUMPUR**

**Terpaksa tidur dalam kereta**

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
 mhafis@hmetro.com.my

**Ampang**

“Saya bersama isteri terpaksa tidur dalam kereta malam tadi (kelmarin) kerana rumah kami yang dilanda banjir lumpur masih belum selesai dicuci,” kata Hassan



Air naik di rumah saya setinggi paras dada di mana ini adalah kali kedua banjir besar melanda kampung ini”

Hassan



PENDUDUK Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang membersihkan kediaman mereka selepas kejadian banjir lumpur, kelmarin.

Mohd Sharif, 56, penduduk Kampung Lembah Jaya Utara di sini.

Hassan berkata, setakat ini dia baru selesai membuang lumpur di ruang tamu sementara empat bilik tidur dan dapur masih dipenuhi lumpur dan belum dicuci lagi.

Menurutnya, hampir semua barangan di dalam rumahnya rosak termasuk barangan elektrik yang tidak sempat diselamatkan akibat ditenggelami air.

“Air naik di rumah saya setinggi paras dada di mana ini adalah kali kedua banjir besar seperti ini melanda kampung ini di mana kali pertama dahulu berlaku sekitar 2007.

“Saya menetap di kampung ini sejak kecil dan sepanjang tempoh itu empat kali kampung ini dilanda banjir kilat namun banjir besar seperti ini hanya berlaku

dua kali,” katanya yang ditemui sedang membersihkan rumahnya yang dipenuhi lumpur, semalam.

Katanya, berikutan belum selesai membersihkan rumah, seorang anaknya yang juga orang kurang upaya (OKU) ditempatkan sementara di rumah adiknya.

Sementara itu, mangsa lain, Izzati Zaaed, 36, berkata



Kita melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan terabit sejak malam tadi (kelmarin) dan turut menyediakan pusat pemindahan sementara di Dewan MPAJ”

Norhayati

ketika kejadian dia dan suami berada di rumah bersama anak-anak sebelum tiba-tiba air naik secara mendadak.

“Pada mulanya hujan sudah berhenti dan saya sangka tidak akan berlaku banjir namun tidak lama kemudian tiba-tiba air naik secara mendadak sehingga tidak sempat menyelamatkan barangan termasuk buku dan pakaian sekolah anak.

“Pada masa sama, mujur kami sempat menyelamatkan nenek saya yang tinggal bersendirian di rumah berasingan tidak jauh dari rumah kami,” katanya.

Katanya, dia sekeluarga boleh diibaratkan tinggal sehelai sepinggang kerana semua barangan di dalam rumah tidak sempat diselamatkan dan rosak.

Dalam pada itu, Ketua Bahagian Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Ampang

Jaya (MPAJ) Norhayati Ahmad berkata, pihaknya bergotong-royong untuk membersihkan lumpur di kawasan terabit.

“Kita melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan terabit sejak malam tadi (kelmarin) dan turut menyediakan pusat pemindahan sementara di Dewan MPAJ di sini.

“Sebanyak 15 keluarga daripada 127 rumah yang dilanda banjir kilat dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Pinggiran 3, Lembah Jaya; Dewan MPAJ Lembah Jaya dan Dewan MPAJ Kampung Ampang Indah,” katanya.

Menurutnya, seramai 100 anggota menyertai gotong-royong itu membabitkan MPAJ, KDEB, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Berjaya peroleh RM1.1b
Muka Surat	:	27



**Kuala Lumpur:** LBS Bina Group Berhad (LBS) berjaya memperoleh RM1.1 bilion bagi jualan dan tempahan dalam perancangan sebanyak RM950.2 juta, setakat 21 November lalu.

Berbanding sasaran awal, pihaknya mencapai 92 peratus daripada sasaran jualan 2021 yang ditetapkan pada RM1.2 bilion.

Pengerusi Eksekutif LBS Tan Sri Lim Hock San berkata, ini menunjukkan pihaknya berada di landasan betul dalam menyediakan rumah mampu milik yang memenuhi keperluan rakyat.

“LBS baru-baru ini me-

lancarkan Prestige Residence di Seri Kembangan dan fasa baru KITA Mesra, membabitkan projek pembinaan rumah di perbandaran KITA @ Cybersouth, di mana kami melihat angka jualan yang menggalakkan.

“LBS juga menyokong rancangan Kerajaan Negeri Selangor membina 30,000 rumah mampu milik di lokasi strategik menjelang 2025. Kami memperoleh enam projek Rumah Selangorku Idaman MBI yang bakal dibina menggunakan konkrit pratuang IBS dan berharap dapat terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor,” katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Kedah pengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-257
Muka Surat	:	10

### Sultan Kedah pengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-257

**KUALA LUMPUR** - Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-257 di Istana Negara di sini pada Rabu.

Mesyuarat itu berlangsung selepas kali terakhir diadakan semasa mesyuarat ke-256 pada 19 dan 20 Februari 2020 yang dipengerusikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah.

Sebelum mempengerusikan mesyuarat bermula jam 11 pagi itu, Sultan Sallehuddin berkenan memberi tabik hormat ke atas Kawalan Kehormatan Utama (KKU) yang dibarisi oleh Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja di Dataran Utama.

Sultan Sallehuddin kemudian turut berkenan menanam pokok Rajah Kayu (Cassia Fistula) di perkarangan Istana Negara sebagai simbolik Sultan Kedah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ini.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut berkenan menyaksikan Majlis Penanaman Pokok tersebut.

KKU dan Majlis Penanaman Pokok adalah cetusan idea Sultan Abdullah



FOTO: BERNAMA

Al-Sultan Abdullah (dua dari kiri) bersama Sultan Sallehuddin (tiga dari kiri) berkenan menyempurnakan upacara menanam pokok Rajah Kayu sebagai simbolik Sultan Kedah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-257 di Istana Negara pada Rabu.

dan tidak pernah diadakan sebelum pelantikan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16.

Mesyuarat dua hari bermula hari ini (Rabu) turut dihadiri semua Raja-Raja Melayu kecuali Kelantan, Pahang dan Perlis.

Raja-Raja yang berangkat ialah Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar; Sultan Nazrin Shah; Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin; Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Yang Dipertuan Besar Negeri

Sembilan Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir.

Sementara itu, Kelantan diwakili Tengku Mahkota Kelantan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra; Pahang diwakili Pemangku Raja Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah dan Perlis diwakili Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Mesyuarat itu turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. - *Bernama*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **25 November 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	EKVE nafi projek bina lebuh raya punca banjir
Muka Surat	:	21

# **EKVE nafi projek bina lebuh raya punca banjir**

**AMPANG** - Pemegang konsesi Lebuh raya Lembah Klang Timur, EKVE Sdn Bhd menafikan projek pembinaan adalah punca utama banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di sini pada Isnin.

Sebaliknya, Jurucakap EKVE mendakwa kejadian banjir kilat tersebut adalah berpunca dari bencana alam iaitu hujan yang sangat lebat.

Berdasarkan bacaan meteorologi di Bukit Antarabangsa dan Puncak Atheneum, masing-masing menunjukkan bacaan kadar ketumpatan hujan sebanyak 144 milimeter (mm) dan 138mm dikategorikan sebagai sangat lebat yang berlarutan selama lebih kurang tiga jam di sekitar Ampang.

Menurutnya, fenomena terbabit menyebabkan aras air di Sungai Ampang naik mendadak dan melebihi paras bahaya seperti mana direkodkan di laman sesawang Info Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada jam 7.30 petang pada Isnin.

“Hasilnya banyak kawasan-kawasan rendah termasuk jalan raya utama dinaiki air dan berlakunya banjir kilat di sekitar Ampang serta Hulu Langat.

“Perkara ini turut dijangkakan akan berlaku akibat musim Monsun Timur Laut seperti mana kenyataan yang dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Bencana, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 November 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	LZS seru elak bayar zakat saat akhir
Muka Surat	:	21

# LZS seru elak bayar zakat saat akhir

Bayaran menerusi potongan gaji bantu agensi itu raih kutipan mampan

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

**K**aedah pembayaran zakat menerusi potongan gaji secara bulanan mampu membantu Lembaga Zakat Selangor (LZS) meraih kutipan bayaran secara mampan sekali gus dapat terus membantu golongan asnaf di negeri ini.

Ketua Divisyen Kutipan LZS, Muhd Fikri Naim Harun berkata, setakat ini terdapat seramai 4,800 majikan di Selangor yang



MUHD FIKRI NAIM

aktif dalam menguruskan potongan gaji kakitangan mereka bagi membuat pembayaran zakat secara bulanan.

Bagaimanapun, mengikut populasi masyarakat Islam di negeri Selangor, terdapat seramai sejuta penduduk berusia 25 tahun ke atas belum menunaikan bayaran zakat mereka di LZS.

Sehubungan itu, golongan tersebut merupakan potensi pengeluar zakat.

"Kami perlu membuat kutipan secara konsisten pada setiap bulan bagi meneruskan kelangsungan bantuan kepada 65,000 keluarga asnaf di negeri Selangor.

"Justeru itu, LZS amat menggalakkan majikan-majikan di Selangor menyarankan pekerja Islam menunaikan zakat pendapatan melalui potongan gaji mereka pada setiap bulan.

"Melalui kaedah potongan gaji, pengeluar zakat boleh merancang kewangan bulanan mereka dan

tidak akan merasa terbeban bagi menunaikan tanggungjawab masing-masing," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Mengulas lanjut katanya, LZS mendapati berlaku peningkatan pembayaran melalui saluran dalam talian yang disediakan seperti Ezakat Pay, perbankan internet dan e-dompot sejak pandemik Covid-19 melanda negara.

"Jumlah hasil kutipan zakat meningkat sebanyak sembilan peratus sehingga Oktober tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lepas.

"Jumlah pengeluar turut meningkat sebanyak tujuh peratus bagi tempoh sama dan LZS optimis dapat mencapai sasaran yang ditetapkan pada bulan Disember nanti," jelasnya.

Sehubungan itu, Muhd Fikri menyeru agar semua pengeluar zakat yang layak dapat menunaikan tanggungjawab membayar zakat mereka dengan segera.

"Justeru, kami amat menggalakkan orang ramai membuat pembayaran pada bulan Disember sebagai persediaan se-



Poster kempen galakan berzakat.

kiranya gelombang pandemik kembali meningkat di negara ini pada tahun hadapan.

"Ia amat penting dalam memastikan kebajikan asnaf di Selangor terus terbelak," katanya.

LZS kini sedang mengadakan kempen galakan menerusi potongan gaji berzakat yang berakhir 31 Disember ini.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Pelan Bangunan Pusat Tahfiz Perlu Dinilai Ciri Bangunan Perlu Ikut Spesifikasi Ditetapkan
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	RM1.75 Bilion Peruntukan Selangor, Tahun Depan
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 November 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Integrated trade events platform in the making
Muka Surat	:	3

## Integrated trade events platform in the making

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government has agreed in principle to develop an Integrated Trade Events Platform specifically to enhance the country's trade competitiveness and export value digitally in line with a new trading landscape in the era of digitalisation.

The Prime Minister said this was among the decisions reached at the Economic Action Council meeting which he chaired yesterday to discuss strategies to revive and strengthen the country's economy after Covid-19, especially by increasing efforts to facilitate business and strengthen Malaysian trade.

"In preparation for the endemic phase and in line with the rapid global economic growth, efforts to create a conducive, competitive business environment and increase productivity should be the main agenda at every level of federal government and state

government administration," he said in a statement.

The meeting was also attended by Senior Minister-cum-International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz and Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed in addition to senior government officials as well as business representatives representing industries in the economy.

Ismail Sabri said the meeting also agreed in principle to create a Single Information Platform, which is a comprehensive portal covering all information across the export value chain to facilitate Malaysian companies to be actively involved globally.

The #MyMudah initiative will also be strengthened through the establishment of #MyMudah units in all federal ministries

and agencies.

"The same units are also proposed to be established at the state government level, local authorities and industry associations to jointly facilitate business operations.

"The function of this unit is to conduct regulatory reviews in a planned manner to facilitate the business environment to boost productivity and competitiveness," he pointed out.

According to the Prime Minister, the meeting also requires every ministry, state government, local authority and federal and state government agency to be committed in realising a regulatory experimentation programme that involves public and private stakeholders jointly assessing the efficiency and suitability of existing regulations thus proposing some regulatory relaxation based on the recommendations of the Organisation for Economic Co-operation and Development. — Bernama





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 November 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	4

## **COUNCIL MATTERS**

> Shah Alam City Council is offering a RM10 discount on compounds for parking offences throughout December. It is also offering up to 70% discount on other offences. For parking compounds, make payment via JomPay by using the biller code 6726 or pay via SnapNPay, Maybank2U and Bank Muamalat counters. For details, call 03-5522 2882 or 03-5510 5133 ext 1757, 1658, 1540 or 1521 (Finance Dept) or visit [eps.mbsa.gov.my](http://eps.mbsa.gov.my)

> Business operators in Shah Alam can renew their licence online at [eps.mbsa.gov.my](http://eps.mbsa.gov.my). For details, call 03-5510 5133 ext 1246, 1549, 1698, 1702 or 1763 (Licensing Dept) or email [lesen@mbsa.gov.my](mailto:lesen@mbsa.gov.my)

> Business premises in Selayang can start updating their information at [lesendigital.mps.gov.my](http://lesendigital.mps.gov.my) while payment can be made at [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my) by Dec 31 to avoid a 10% late charge.

> All halls under Selayang Municipal Council are now open for public use. For details, call 03-6120 1360 (Public Facilities Unit, Valuation and Property Management Dept)

> Putrajaya Corporation invites residents in the administrative capital to participate in a contest to design recycled vase covers. Entry is free. Deadline is Dec 3. For details, visit <https://bit.ly/30AX2el>



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 November 2021</b>		
Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	Jenjarom 14th alley ditch garbage blockage; Mosquito breed, pollution environment.
Muka Surat	:	8

(仁嘉隆24日讯)仁嘉隆第14巷沟渠阻塞、垃圾堆积无法排水,以致滋生蚊虫,更不时飘出难闻臭味,环境污染,影响居民日常生活。

瓜冷第九区市议员杨克勤指出,针对水沟阻塞及垃圾问题,他呼吁村民及小贩,提升公民意识,照顾仁村的清洁美观,把垃圾丢进垃圾桶内,尤其是仁嘉隆早市,贩商做完生意离开后,垃圾处处,当刮起大风,垃圾被吹到满地,引发卫生问题,也影响仁嘉隆市容美观。

他说,为推广瓜拉冷岳县旅游及让游客认识联邦5号公路上的景点,万津区州议员刘永山及市议员等,日前推动“畅游瓜拉冷岳仁嘉隆本地特色”玩转雪州小旅游,吸引游客来仁嘉隆,促进当地经济活动,但是,此举将让游客留下负面印象。

他呼吁贩商及村民,把垃圾包好,方便市议会垃圾承包公司清理。目前垃圾承包公司,每星期三到仁村收集住家垃圾,至于大型垃圾,从9月份开始,也从每月一次,改为每星期一次。村民也可以致电或信息当局处理大型垃圾。

杨克勤感谢瓜冷市议会及瓜冷达鲁益善固体废料管理公司(KDEBWBKL)接获他的反映,迅速采取行动,清理垃圾,

## 仁嘉隆第14巷垃圾塞沟 蚊蟲滋生污染環境

让沟渠流通,他也感谢上述单位清理雅雅山花园第13路后巷杂草,让居民有一个清洁的生活环境。



杨克勤



瓜冷市议会及达鲁益善固体废料管理公司员工,清理阻塞的沟渠。





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 November 2021</b>		
Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	Taman Lembah Mewah residential area; City council allocate to rebuild ditch.
Muka Surat	:	8

**市會撥款重建溝渠**  
 美華谷花園住宅區



渠提升工程，右起是林金瑛和王声宾。  
 许来贤（左）和市议会官员巡视美华谷的沟



部分沟段已完成。

（加影24日讯）今年5月加影发生大水灾时，士毛月路边的美华谷花园（Taman Lembah Mewah）80多间廉价排屋全部遭遇水劫，加影市议会拨32万令吉为该住宅区重建沟渠，有关工程已动工，预计两周内完成。

加影市议会也同时透过大马道路档案系统（Marris）拨款12万令吉，重铺该花园所有道路。

公正党加影州议员许来贤指出，5月大水灾时美华谷花园的水位高达2尺，当时80多间屋子全部被水淹没，对居民造成困扰。

他说，该花园毗邻美华山庄，是加影最久的廉价

屋住宅区之一，由于处于低洼地区，再加上士毛月路的水往下冲，住宅区沟渠阻塞排水不及才导致水灾。

他昨午巡视这项沟渠提升工程时，这么指出；加影市议员林金瑛和王声宾也到现场。

许来贤说，这项工程原定8月进行，但因为行动管制令展延，重建的沟渠全长500公尺。

“根据市议会工程组，洪水从士毛月路冲下来，只要住宅区的沟渠排水通畅便不会水灾，最近两个月虽常下雨，但无淹水，因为有定时清理沟渠，希望沟渠重建后不再发生水灾。”





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 November 2021**

Akhbar	:	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	:	Siva Kumar donates face masks to 3 schools
Muka Surat	:	11

**西華古瑪捐3學校口罩**



雪邦市議員西華古瑪日前自資購買80盒兒童口罩，分別捐給雪邦華小、雪邦淡小和標特（Bute）淡小。

西華古瑪也是行動黨雪邦再也支部主席，圖為西華古瑪（左）移交口罩給雪邦華小校長陳焯霖。